

Tanaman cendawan tiram buahkan hasil

Baling: Dalam usaha menjana pendapatan, Gerakan Belia 4B kawasan Baling memberanikan diri mengusahakan projek cendawan tiram kerana boleh mentransformasikan belia untuk beralih kepada bidang keusahawanan dan perniagaan secara profesional.

Beroperasi di bangunan lama yang dibaik pulih di Pekan Baru Keda Kupang di sini, sejak lima tahun lalu, projek yang diusahakan lima belia secara komersial itu kini membuah hasil apabila mampu mendominasi pasaran di sekitar daerah itu.

Pengerusinya Hamdan Jamel, 38, yang turut terbabit mengusahakan projek itu berkata, bagi memastikan terus berdaya maju, ia diusahakan di bawah pemantauan dan kawal selianya bertujuan menjadikan persatuan itu sebagai organisasi mantap dan kukuh ekonominya.

Menurutnya, di samping memfokus terhadap pengukuhan dana persatuan, belia yang terbabit secara tidak langsung akan memperoleh kemahiran serta pengetahuan dalam bidang penghasilan bahan makanan itu daripada peringkat awal hingga pengeluaran hasil.

"Cendawan tiram kelabu" diusahakan dijual secara borong pada harga RM8.50 sekilogram. Kami mampu menyediakan bekalan untuk pengguna sekitar Baling kerana keluasan bangunan ini mampu menempatkan 17 bongkah dengan setiap bongkah



CENDAWAN tiram yang diusahakan persatuan belia bermutu tinggi.

boleh mengeluarkan lima kuntum cendawan.

"Kebanyakan pelanggan dalam kalangan peniaga di pasar ikan, kedai makan dan pasar mini di Baling manakala di Kupang, kita mempunyai seorang pemborong yang membekalkan bekalan untuk peniaga kedai makan, pekan sehari dan pasar malam," katanya ketika ditemui di pusat penghasilan cendawan itu, baru-baru ini.

Semua mereka pernah mengikuti kursus pembenihan

cendawan tiram di sebuah syarikat dikenali Wafa Spora Ajil, Terengganu selain sering menyertai lawatan sambil belajar di ladang cendawan di Padang Besar, Gunung Jerai dan di pusat penghasilan cendawan tiram di Keda Kemangi, Kupang.

Berikutan mempunyai kemahiran itu, cendawan tiram keluaran persatuan belia itu menjadi pilihan penduduk sekitar Baling kerana berkualiti setanding cendawan dihasilkan syarikat lebih besar.

Justeru, hasrat persatuan belia berkenaan di bawah kepimpinan Hamdan yang mahu memantapkan dana tercapai apabila mampu memperoleh pendapatan kira-kira RM3,500 sebulan hasil jualan bahan makanan itu.

Sementara itu, seorang pemborong Ieruan Ahmad, 37, berkata, bahan makanan itu mendapat pasaran baik kerana selain sedap dibuat masakan, ia juga boleh digoreng rangup menggunakan tepung khas.